

Usaha kekalkan silat dalam Sukan SEA Manila

19 JAN 1991

KUALA LUMPUR — Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), tidak akan berputus-asa untuk memujuk Jawatankuasa Olimpik Filipina (POC) supaya menyenaraikan silat olahraga dalam Sukan SEA XVI di Manila, pada penghujung November ini.

Setiausaha agung Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata keputusan Filipina menggugurkan silat olahraga dalam Sukan SEA XVI memeranjatkan Pesaka kerana POC sudah memberi jaminan untuk berbincang

dengan negara anggota Jawatankuasa Sukan SEA mengenai perkara itu.

Katanya, dalam mesyuarat di Manila pada 2 November lalu, POC bersetuju memasukkan silat olahraga dalam Sukan SEA XVI, tetapi dengan syarat negara itu dibantu menubuhkan persatuan silat, menghantar jurulatih dan segala perbelanjaan menghantar anggota ke Manila ditanggung oleh negara terbabit.

"Bagaimanapun, sebelum sempat Pesaka, MOM dan Persatuan Pencak Silat

Antarabangsa (Persilat), menghantar wakil menghadiri mesyuarat di Manila, POC terus membuat keputusan menolak silat dengan pelbagai alasan, termasuk mereka tiada persatuan dan kemahiran dalam bidang sukan itu," katanya.

Menurutnya, sebenarnya mesyuarat dengan POC yang dijadualkan pada 5 Disember lalu di Manila tidak dapat diadakan kerana Presiden POC, Gabenor Jose C Sering tidak ada dalam negara ketika itu.

Katanya, keputusan tuan

rumah Sukan SEA XVI, Manila menolak silat olahraga seperti yang dinyatakan dalam surat Gabenor Sering kepada Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah baru-baru ini adalah di luar dugaan Pesaka.

Ekornnya, Abdul Rahmann berkata, Presiden Pesaka, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dan Tan Sri Hamzah dijangka bertolak ke Manila antara 20 dan 22 Februari ini bagimembincangkan keputusan itu dengan POC. — BHM.

18 JAN 1991

Silat sah digugurkan

MANILA — Jawatankuasa Olimpik Filipina (POC) mengesahkan silat olahraga tidak akan disenaraikan dalam Sukan SEA Manila, pada hujung tahun ini.

Keputusan itu terkandung dalam surat Presiden POC, Gabenor Jose C Sering, bertarikh 26 Disember 1990 kepada Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah.

Dalam surat itu, Gabenor Sering kesal kerana POC tidak dapat menimbang semula permintaan MOM supaya silat disenaraikan.

"Saya kesal kerana pada masa ini kami tidak boleh menimbang semula penyertaan silat dalam Sukan SEA.

"Bagaimanapun, kami akan menghantar satu atau dua pegawai teknikal POC untuk mempelajari sukan ini supaya Filipina dapat menyertai acara itu dalam Sukan SEA akan datang," katanya dalam surat yang diterima oleh MOM pada 7 Januari, 1991.

Sebelum ini, MOM dan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), giat melobi

bagi memastikan silat disenaraikan dalam di Manila.

MOM menggesa POC menimbang semula keputusan itu walaupun Jawatankuasa Sukan SEA menggugurkan silat dan arnis, dan menerima taekwondo dan wushu, dalam mesyuarat di Beijing Oktober lalu.

"Kami berpendapat adalah janggal bagi Filipina menjadi tuan rumah sukan yang kami sendiri tidak mempunyai kemahiran langsung.

"Kami tidak mempunyai persatuan silat di Filipina," katanya.

Gabenor Sering juga mendedahkan ada pihak yang tidak langsung mempunyai kemahiran atau pengetahuan mengenai sukan itu telah cuba menubuhkan persatuan semata-mata untuk menjadi ahli gabungan POC.

"Selepas kami siasat, kami mendapati mereka itu mahu menubuhkan persatuan hanya untuk kepentingan politik dan peribadi," katanya. — BHM.